



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BINGKISAN UCAPAN AIDILFITRI MENTERI KERJA RAYA, YB BARU BIAN

Salam sejahtera dan salam mesra untuk semua.

Saya bagi pihak keluarga dan warga Kementerian Kerja Raya Malaysia ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Raya Aidilfitri kepada seluruh umat Islam di negara kita. Saya difahamkan, kegembiraan dan kesyukuran yang dizahirkan bersempena Aidilfitri adalah tanda kejayaan mengharungi cabaran berpuasa selama sebulan dan amalan-amalan baik yang dilaksanakan sepanjang bulan Ramadhan.

Saya berharap semoga sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini dapat diraikan dengan penuh kemeriahan dan kegembiraan. Sesungguhnya saya percaya, perayaan-perayaan di Malaysia akan terus menjadi wadah penyatuan rakyat berbilang kaum dan kepercayaan menerusi amalan rumah terbuka dan saling kunjung-mengunjung. Amalan ini bukan sahaja mampu mengeratkan persahabatan, malah dapat memperkukuhkan lagi ikatan silaturrahim sesama kita tanpa mengira latar belakang fahaman agama dan juga politik.

Saya masih ingat sewaktu zaman persekolahan saya di SMK Limbang, saya bersama rakan-rakan sering berkunjung ke rumah-rumah yang merayakan Hari Raya Aidilfitri. Kami bukan sekadar dapat merasai kemeriahan sambutan Aidilfitri itu sendiri, malah kami juga dapat berkenalan dengan tuan rumah dan keluarga yang kami kunjungi walaupun ada masanya, antara kami tidak mengenali antara satu sama lain. Sambutan yang diberikan oleh tuan rumah tetap mesra dan kami dihidangkan dengan pelbagai juadah yang lazat.

Semoga persahabatan yang terjalin melalui sambutan perayaan ini akan terus mekar dan mampu mengeratkan perpaduan yang kukuh antara kita. Semoga kita dapat terus meraikan perayaan ini dalam suasana yang harmoni dan aman sentosa.

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

YB BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA
4 JUN 2019

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my